

Headline	Ketua komuniti jadi orang tengah		
MediaTitle	Sinar Harian (Melaka and Negeri Sembilan)		
Date	10 Feb 2018	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	News	Page No	18
ArticleSize	405 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 8,511		



Ketua komuniti jadi orang tengah

Salur maklumat kepada masyarakat berkaitan produk dan perkhidmatan terbaru agensi itu



Pegawai TNB memberi penerangan kepada salah seorang peserta mengenai produk terbaru TNB secara dalam talian.

JASIN - Program Transformasi Kedai Tenaga, Tenaga Nasional Berhad (TNB) bertujuan memberikan penjelasan kepada pemimpin masyarakat serta ketua komuniti dalam daerah ini mengenai produk dan perkhidmatan terbaru agensi berkenaan.

Pegawai Daerah Jasin, Zamrud Yahya berkata, program julung kali diadakan itu meningkatkan peranan peserta dalam membantu

TNB menyebarkan maklumat mengenai perkhidmatan agensi berkenaan kepada masyarakat.

Menurutnya, ceramah dan forum diadakan juga menjadi medium terbaik kepada TNB menyampaikan maklumat kepada pelanggan menerusi ketua komuniti di-lantik.

"Usaha dijalankan antara inisiatif kita untuk bantu mengatasi permasalahan dihadapi masyarakat terutama-



250 peserta terdiri daripada ketua komuniti pada program itu

nya, di kampung supaya mereka selesa dan berpuas hati dengan prasarana yang dibangunkan kerajaan.

"Ini penting kerana tidak semua aduan atau pendapat mereka dapat didengar secara terus tanpa adanya orang tengah seperti ketua komuniti," katanya.

Zamrud berharap TNB akan dapat terus responsif dalam memperkukuh dan memperbaiki mutu perkhidmatannya kepada rakyat

khususnya di daerah ini.

"Ini adalah selari dengan lima prinsip transformasi yang digariskan kerajaan iaitu kepentingan budaya ilmu, kebolehpercayaan, aman-lan yang terbaik, semangat patriotik dan keberhasilan *output* daripada *input*."

"Dengan menitikberatkan pembangunan berteknologi hijau serta berteknologi tinggi bukan sekadar di peringkat negara, malah di peringkat Asia dan

dunia, saya yakin TNB mampu memberikan perkhidmatan terbaik," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Terdahulu, Zamrud turut menyempumakan majlis perasmian itu di Jasin Heritage Golf Club.

Hadir sama, Pengurus Besar Perkhidmatan Pelanggan Bahagian Pembahagian, TNB Melaka, Ir Ahmad Rezahan Mohammad; Pengurus Kanan (Communication Plan

and Engagement), Smart Billing Project TNB, Datin Siti Laila Sri Asih S Garieb dan Ketua Projek Kedai Tenaga Footprint Automation, Rosidah Abdul Manan.

Program itu turut dihadiri 250 ketua komuniti terdiri daripada pengerusi dan setiausaha (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) dan peng-hulu daerah Jasin.